# PANDUAN MENGGUNAKAN APLIKASI TEKS KEPADA INFOGRAFIK (T2IG)

## PENGENALAN

Aplikasi ini dinamakan sebagai T2IG yang merupakan akronim bagi teks kepada info grafik. Tujuan pembangunan aplikasi ini adalah bagi kegunaan murid-murid sekolah rendah khususnya tahap dua bagi pembelajaran Bahasa Melayu. Pembangunan aplikasi T2IG yang mampu menjana teks yang panjang seperti teks bacaan dan karangan dalam bentuk grafik. Ini dapat membantu murid dalam memahami inti pati yang terdapat dalam bahan teks ini. Untuk tujuan itu, teknologi kepintaran buatan digabungan dalam pembangunan aplikasi ini.

## OBJEKTIF

Penyediaan nota panduan ini adalah bagi memberi bimbingan kepada pengguna aplikasi ini berkaitan fungsi-fungsi yang terkandung dalam T2IG.

## KANDUNGAN

Contoh petikan dan contoh karangan yang dikandung dalam aplikasi T2IG telah disahkan oleh golongan pakar yang terkandung dalam kalangan pakar bahasa dan teknologi maklumat. Jadi, pengguna boleh menggunakan tanpa sebarang keraguan. Contoh petikan yang disertakan dalam aplikasi T2IG adalah teks petikan yang terkandung dalam Buku Teks Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina/Tamil).

Senarai Contoh Petikan Buku Teks dan Contoh Karangan:

| Jenis Teks | Aliran | Bilangan |
|---|---|---|
| Petikan Buku Teks | Sekolah Kebangsaan | 33 |
| Petikan Buku Teks | Sekolah Jenis Kebangsaan | 25 |
| Contoh Karangan | Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan | 10 |

Murid juga disediakan dengan senarai standard kandungan dan standard pembelajaran berdasarkan saranan Bahagian Pembangunan Kurikulum. Turut setiap petikan yang dipetik dari buku teks disertakan dengan muka surat bagi panduan pengguna. Kebanyak peta infografik yang digunakan juga berteraskan kepada peta I-*Think*. Pengguna boleh menggunakan telefon pintar mahupun komputer riba/peribadi untuk menggunakan aplikasi ini.

Selamat mengunakan T2IG.

| Antara muka | Penjelasan |
| --- | --- |
|   | Antara muka utama atau halaman utama ini menunjukkan bilangan pengunjung, senarai petikan yang disediakan mengikut aliran sekolah. Fungsi atau pautan utama adalah membaca panduan, senarai SK dan SP, meneliti senarai teks/petikan mengikut sekolah, contoh karangan dan jana IGrafik. |




Pengguna disediakan dua pilihan untuk memilih fungsi yang hendak digunakan.

Jika pengguna tekan pautan di atas, maka pengguna akan layari fungsi di halaman yang sama. Sebaliknya, jika pengguna memilih pautan fungsi di bawah maka ia akan di buka dalam *tab* yang berasingan dan pengguna kekal berada pada halaman utama.



TEKS KEPADA INFOGRAFIK

Halaman Utama SK/SP Panduan T2IG Contoh Petikan Contoh Karangan Jana InfoGrafik Admin

Senarai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran

| SK | | SP | |
|---|---|---|---|
| 2.1 | Asas membaca dan memahami. | 2.1.1 | Membaca dan memahami petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. |
| 2.3 | Membaca dan mengapresiasi karya sastera dan bukan sastera. | 2.3.1 | Membaca dan menganalisis kandungan teks karya sastera, dan karya bukan sastera. |
| 2.3 | Membaca dan mengapresiasi karya sastera dan bukan sastera. | 2.3.2 | Membaca karya sastera, dan karya bukan sastera dengan gaya penyampaian yang sesuai. |
| 3.2 | Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna. | 3.2.2 | Menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah secara kritis dan kreatif. |
| 3.2 | Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna. | 3.2.4 | Menulis ayat dalam perenggan yang diimlakkan. |

©Copyright - 2023 INFOGRAFIK. All Rights Reserved T2IG

Dalam halaman ini pengguna dapat meneliti senarai standard kandungan dan standard pembelajaran yang dikuasai dalam Tahun 4 bagi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah jenis Kebangsaan.




Apabila pengguna memilih fungsi contoh petikan maka, disini pengguna dapat melihat pada senarai petikan yang terdapat dalam buku teks mengikut aliran sekolah.

Pengguna harus letak *cursor* di atas setiap icon bagi mengenali tajuk teks.




Apabila menekan pada icon maka murid boleh membaca tajuk teks, muka surat di dalam buku teks, SK dan SP bagi teks tersebut dan Teks penuh.

Pengguna perlu klik pada butang jana IGrafik untuk menjana grafik.

| | |
|---|---|
|  | Setelah menekan fungsi Jana IGrafik maka T2IG akan mengambil *response time* maksimum 3 saat untuk menjanakan infografik.<br>Pengguna dapat melihat isi-isi penting dalam bentuk grafik dan turut disenaraikan di bawah.<br><br>Pengguna juga boleh memilih fungsi Jana Sinopsis bagi menjana sinopsis dari infografik yang terbentuk. |

| | |
|---|---|
|  | Setelah memilih fungsi Jana Sinopsis pengguna boleh baca sinopsis ringkas dengan mengabungkan semua isi-isi penting yang dikenal pasti oleh T2IG. |

| | |
|---|---|
|  | Apabila pengguna memilih fungsi contoh karangan maka, disini pengguna dapat melihat pada senarai petikan dalam bentuk karangan.<br><br>Pengguna harus letak *cursor* di atas setiap icon bagi mengenali tajuk teks. |

| | |
|---|---|
|  | Apabila menekan pada icon maka murid boleh membaca tajuk teks, SK dan SP bagi teks tersebut dan Teks penuh.<br><br>Pengguna perlu klik pada butang jana IGrafik untuk menjana grafik. |




Setelah menekan fungsi Jana IGrafik maka T2IG akan mengambil *response time* maksimum 3 saat untuk menjanakan infografik. Pengguna dapat melihat isi-isi penting dalam bentuk grafik dan turut disenaraikan di bawah.

Pengguna juga boleh memilih fungsi Jana Sinopsis bagi menjana sinopsis dari infografik yang terbentuk.

<table>
<tr>
<td>
</td>
<td>Apabila pengguna memilih fungsi jana IGrafik maka pengguna boleh lihat senarai keseluruhan teks petikan dan karangan.<br><br>Pengguna harus letak cursor di atas setiap icon bagi mengenali tajuk teks.</td>
</tr>
</table>

**PENUTUP**

Berharap aplikasi T2IG membawa faedah kepada kedua-dua golongan guru dan murid. Bagi sebarang pertanyaan pengguna boleh menghubungi melalui email yang dibekalkan. Turut, bagi guru atau murid yang ingin menyumbang teks petikan mahupun karangan boleh emailkan. Fungsi muat naik telah *disable* bagi membolehkan murid sentiasa merujuk pada guru semasa atau selepas menggunakan aplikasi T2IG.

Sekian

Maran Chanthiran

maranchanthiran@gmail.com